

**PENUBUHAN JAWATANKUASA SEBUTHARGA ‘B’ DI PUSAT  
TANGGUNGJAWAB BAGI PEROLEHAN MELEBIHI RM20,000 SEHINGGA  
RM50,000 (SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2014)**

- i) Mengelakkan kaedah tawaran melalui sebutharga kecil yang diuruskan oleh Jabatan Bendahari tetapi menubuhkan Jawatankuasa (JKSH) ‘B’ di peringkat PTj bagi meluluskan pembelian tersebut.
- ii) Keahlian bagi Jawatankuasa ‘B’ yang dicadangkan adalah seperti berikut :-
  - a) Dekan sebagai Pengerusi
  - b) Mana-mana 2 lagi pegawai yang dilantik oleh Dekan
- iii) Oleh yang demikian, Dekan tidak boleh dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal bagi semua perolehan yang melebihi RM20,000 sehingga RM50,000. Bagaimanapun, Ahli Jawatankuasa Teknikal hendaklah dilantik oleh Dekan bagi setiap sebutharga kecil. Apabila tawaran ditutup, naskah sebutharga akan diserahkan kepada PTj untuk disediakan laporan penilaian harga dan laporan penilaian teknikal.
- iv) Laporan Penilaian tersebut hendaklah diputuskan oleh JKSH ‘B’ di peringkat PTj dan keputusan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Bendahari untuk dikeluarkan Pesanan Belian.